

**SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : SOSIAL

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA

GRED JAWATAN/GAJI : S29, S32, S38, S40

TARIKH KUAT KUASA : 1 JULAI 2016

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat prinsipal dalam subjek Syariah, Usuluddin atau Bahasa Arab.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,493.00); atau
 - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,493.00); atau
 - (iii) Diploma dalam bidang tahfiz Al-Quran, pengajian Islam atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,770.95).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Hal Ehwal Islam adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Hal Ehwal Gred S29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

- | | |
|--|--|
| PENETAPAN GAJI
PERMULAAN | 4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred S29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan. |
| TEMPOH PERCUBAAN | 5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun. |
| LATIHAN | 6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan. |
| PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA/PEPERIKSAAN | 7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan. |
| PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN | 8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan (c) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| PERGERAKAN GAJI TAHUNAN | 9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan. |
| KEPERLUAN KOMPETENSI
DAN POTENSI | 10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat. |
| KENAIKAN PANGKAT
KE GRED S32 | 11. Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S32 yang kosong apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan (d) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| KENAIKAN PANGKAT
KE GRED S38 | 12. Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S38 yang kosong apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan (c) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| KENAIKAN PANGKAT
KE GRED S40 | 13. Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S38 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S40 yang kosong apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan (c) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| PENINGKATAN SECARA
LANTIKAN KE JAWATAN
PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM
GRED S41 | 14. Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan. |

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002)